



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 9 TAHUN 2010**

---

**HAD KADAR TAMBANG BARU PERKHIDMATAN  
KERETA SEWA PULAU LANGKAWI**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

**TARIKH: 8 JULAI 2010**

Persatuan Pengusaha Kereta Sewa Pulau Langkawi

Semua Persatuan Teksi dan Kereta Sewa Semenanjung Malaysia.

## **HAD KADAR TAMBANG BARU PERKHIDMATAN KERETA SEWA PULAU LANGKAWI**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan had kadar tambang baru bagi kelas lesen kereta sewa di Pulau Langkawi.

### **LATAR BELAKANG**

2. Berkuatkuasa 1 Ogos 2009, LPKP telah menetapkan had kadar tambang baru bagi pengangkutan awam termasuk bagi kelas lesen kereta sewa di Pulau Langkawi dan telah dimaklumkan melalui Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Bil. 9 Tahun 2009, Had Kadar Tambang Baru Perkhidmatan Kereta Sewa Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi.

3. Pengusaha kereta sewa di Pulau Langkawi telah memohon agar LPKP mempertimbangkan semula struktur had kadar tambang baru yang telah ditetapkan berkuatkuasa 1 Ogos 2009 tersebut bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan pengusaha dan penumpang di samping memudahkan aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan.

## HAD KADAR TAMBANG BARU

4. Sehubungan itu, LPKP telah menetapkan struktur had kadar tambang baru untuk kelas lesen kereta sewa di Pulau Langkawi bagi menggantikan had kadar tambang yang telah berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2009 seperti berikut:

(a) Kadar tambang (RM) (bagi setiap penumpang):

	<i>Destinasi/Zon</i>							
	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>8</b>
<i>Kadar tambang tidak melebihi (RM)</i>	1.50	3.00	4.50	6.00	7.50	9.00	10.50	15.00

Tempat-tempat di dalam suatu zon:

Zon 1 - kawasan dalam lingkungan jarak 0 hingga 5 km dari pangkalan yang dibenarkan atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;

Zon 2 - kawasan dalam lingkungan jarak 5.1 hingga 10 km dari pangkalan yang dibenarkan atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;

- Zon 3 - kawasan dalam lingkungan jarak 10.1 hingga 15 km dari pangkalan yang dibenarkan atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;
- Zon 4 - kawasan dalam lingkungan jarak 15.1 hingga 20 km dari pangkalan yang dibenarkan atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;
- Zon 5 - kawasan dalam lingkungan jarak 20.1 hingga 25 km dari pangkalan yang dibenarkan atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;
- Zon 6 - kawasan dalam lingkungan jarak 25.1 hingga 30 km dari pangkalan yang dibenarkan atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;
- Zon 7 - kawasan dalam lingkungan jarak 30.1 hingga 35 km dari pangkalan yang dibenarkan atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;
- Zon 8 - kawasan dalam lingkungan jarak 35.1 km dan ke atas dari pangkalan yang dibenarkan

atau dari mana-mana tempat kereta sewa tersebut ditahan;

Pangkalan-pangkalan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- (i) Bandar Kuah;
- (ii) Kompleks Jeti Kuah;
- (iii) Pusat Membeli-belah Langkawi Fair;
- (iv) The Westin Langkawi Resort and Spa;
- (v) Langkawi Parade;
- (vi) Langkawi Lagoon Resor;t
- (vii) Pelangi Beach Resort;
- (viii) Under water World Langkawi;
- (ix) Holiday Villa Langkawi;
- (x) Aseania Resort;
- (xi) Awana Porto Malai;
- (xii) Sheraton Langkawi Beach Resort;
- (xiii) Mutiara Bura Bay Beach Resort;
- (xiv) Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort;
- (xv) Tanjung Rhu.

*(Kadar tambang yang dikenakan bagi sewaan kereta sewa kurang daripada 4 penumpang dikira berdasarkan kadar tambang 4 penumpang bagi sebuah kereta sewa)*

(b) Sewaan mengelilingi pulau :

	<i>Kadar tambang</i>
(i) Bagi 4 jam pertama atau sebahagian daripadanya (bagi 1 hingga 4 penumpang)	Tidak melebihi RM100 / kereta sewa
(ii) Bagi 4 jam pertama atau sebahagian daripadanya (bagi tambahan penumpang ke 5 hingga ke 11)	Tidak melebihi RM10 bagi setiap tambahan penumpang
(iii) Bagi setiap tambahan 1 jam atau sebahagian daripadanya	Tidak melebihi RM35 / kereta sewa
(iv) Tambang tambahan ke Gunung Raya	Tidak melebihi RM8 bagi setiap penumpang

5. Had kadar tambang yang ditetapkan adalah had maksimum (siling) dan pengusaha dibenarkan mengenakan kadar tambang lebih rendah daripada kadar yang ditetapkan.

## **TARIKH KUATKUASA**

6. Had kadar tambang baru bagi kelas lesen kereta sewa di Pulau Langkawi telah diwartakan sebagai P.U. (A) 219/2010 dan berkuatkuasa **mulai 1 Julai 2010.**

## **PEMBATALAN**

7. Perenggan 7.2 Pekeliling LPKP Bil.9 Tahun 2009, Had Kadar Tambang Baru Perkhidmatan Kereta Sewa Pulau Pangkor dan Pulau Langkawi bertarikh 20 Julai 2009 adalah **dibatalkan**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATIN NAIMAH BINTI RAMLI)**

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan

Semenanjung Malaysia

Jabatan Perdana Menteri

**8 JULAI 2010**

**Edaran Dalaman:**

Y.B. Datuk Pengerusi LPKP

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

Semua Ketua Bahagian

**Sila tampal pekeliling ini  
pada papan kenyataan  
di pejabat LPKP Wilayah.**

**Salinan:**

Ketua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan,  
Aras 1-5, Blok D-4, Kompleks D,  
**62502 PUTRAJAYA.**

Pengarah JPJ Negeri/ Wilayah

Ketua Polis Trafik  
Cawangan Trafik  
Polis Diraja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**

Ketua Operasi PUSPAKOM  
Wisma DRB HICOM  
No. 2, Jalan Usahawan U1/8  
Seksyen U1  
40150 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**

